

Tokoh sejarawan negara meninggal dunia

> Kay Kim hembus nafas terakhir di PPUM akibat jangkitan paru-paru

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim, Mohd Nasaruddin Parzi, Ahmad Suhael Adnan dan Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

> Kuala Lumpur

Tokoh sejarawan negara, Prof Emeritus Tan Sri Dr Khoo Kay Kim, 82, meninggal dunia di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) di Petaling Jaya akibat jangkitan paru-paru, semalam.

Mendiang yang dilahirkan di Kampar, Perak pada 28 Mac 1937 dan menghembuskan nafas terakhir pada jam 10.13 pagi, meninggalkan isteri, Puan Sri Rathi Khoo, 75, serta tiga anak, Eddin, 50; Rubin, 47, dan Marvin, 42.

Kay Kim turut terbabit merangka Rukun Negara selepas rusuhan kaum pada 1969, cukup dikenali dalam dunia persejarahan negara dan mempunyai jasa besar dalam pembangunan pendidikan sejarah Malaysia, sentiasa menjadi rujukan masyarakat, media dan pemimpin mengenai aspek sejarah dan bidang sukan.

Beliau bekas tutor dan pensyarah Jabatan Sejarah pertama yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengajaran, selain menggalakkan sejarawan serta ilmuwan menulis sejarah Malaysia me-



Khoo Kay Kim

nurut kaca mata masyarakat tempatan dan menggunakan kaedah analitikal untuk mengkaji sejarah.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada sidang media selepas mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) di sini semalam, berkata pemergian Kay Kim adalah kehilangan besar kepada negara.

Adil kepada semua kaum

"Mendiang individu hebat yang memperjuangkan sejarah dan kaum di negara ini. Saya sedih tidak sempat menziarahi dan memberi penghormatan terakhir kepadanya. Mendiang individu hebat yang memberi sumbangan besar kepada perkembangan sejarah negara.

"Mendiang juga sejarawan terbilang yang sangat adil kepada semua kaum di negara ini, beliau sentiasa bersifat benar, sama ada bercakap mengenai Cina, Melayu atau India. Semua orang sentiasa menghormatinya," katanya sambil menzahirkan ucapan takziah kepada keluarga mendiang.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menerusi Facebook rasminya semalam, berkata mendiang adalah



Rathi memegang jubah kepunyaan mendiang Kay Kim sambil diperhatikan anak, Eddin (dua dari kiri), Marvin (kiri) dan Rubin (kanan) di Nirvana Memorial Park, Sungai Besi, semalam.

contoh rakyat Malaysia yang terbaik.

"Pemergian Prof Emeritus kehilangan cukup besar buat rakyat Malaysia. Beliau contoh unggul rakyat Malaysia, mempamerkan bagaimana untuk menjadi rakyat yang terbaik. Jasa beliau untuk negara termasuk membantu menggubal Rukun Negara akan terus dikenang rakyat," katanya.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali turut berkongsi rasa dukacitanya atas pemergian Kay Kim, mengucapkan takziah kepada keluarga tokoh berkenaan serta berkongsi sekeping gambar pertemuannya dengan mendiang pada tahun lalu.

Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, berkata semua sumbangan mendiang kepada negara tidak akan dilupa-

kan, manakala Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail menyifatkan pemergian tokoh itu sebagai satu kehilangan yang tiada ganti.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd Samad; Ketua Umum Pakatan Harapan merangkap Ahli Parlimen Port Dickson, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari dan Menteri Besar Terengganu, Dr Ahmad Samsuri Mokhtar antara pemimpin yang turut menzahirkan ucapan takziah.

Sementara itu, Eddin berkata, bapanya dijangka dikebumikan di Nirvana Memorial Park (Nirvana) Shah Alam, Sabtu ini.

> **Belasungkawa di Ms.77**



Mendiang individu hebat yang memperjuangkan sejarah dan kaum di negara ini"

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri



Jasa beliau untuk negara termasuk membantu menggubal Rukun Negara akan terus dikenang rakyat"

Dr Wan Azizah Wan Ismail,
Timbalan Perdana Menteri